

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)8

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

8. Peruntukan KPKT, berapakah peruntukan telah disalurkan kepada MBPP dan MBSP untuk melaksanakan projek pembangunan pada tahun 2023 dan 2024?
- (a) Senaraikan projek yang telah diluluskan di bahagian Pulau dan Seberang.
 - (b) Setakat ini, berapa projek telah dimulakan dan apakah status kemajuan semasa?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa menjalinkan hubungan kerjasama yang erat bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam memastikan penyampaian perkhidmatan perbandaran yang diberikan oleh PBT adalah terbaik untuk rakyat dan seiring dengan hala tuju negara. Melalui kerjasama ini, pelbagai projek dan program telah dirancang dan dilaksanakan yang bertujuan untuk membantu dan memajukan kawasan PBT melalui proses pembangunan fizikal dan

sosioekonomi bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat. Projek-projek yang dilaksanakan merupakan projek-projek *people-centric* mengikut skop seperti berikut:

- (i) Projek Infrastruktur - Komponen projek yang terlibat adalah seperti membina dan menaik taraf parit dan longkang, jalan, laluan pejalan kaki dan lampu jalan;
- (ii) Projek Kemudahan Awam - Komponen projek yang terlibat adalah seperti membina dan menaik taraf dewan serbaguna, kemudahan sukan dan rekreasi, pondok bas dan tandas awam;
- (iii) Projek Sosioekonomi - Komponen projek yang terlibat adalah seperti membina dan menaik taraf premis perniagaan, pasar, bazar dan gerai makan;
- (iv) Program bantuan membaik pulih/ menyelenggara perumahan berstrata kos rendah dan sederhana rendah swasta; dan
- (v) Program Pembasmian Kemiskinan Bandar - Program yang dilaksanakan adalah untuk mengurangkan beban tanggungan

keluarga miskin di bandar yang mensasarkan isi rumah daripada golongan B40. Terdapat tiga (3) program/ projek utama yang dilaksanakan iaitu Program Baik Pulih Rumah Daif di Bandar, Projek Rumah Sejahtera yang memberi bantuan bina baharu rumah dan Program Pemerkasaaan Ekonomi Komuniti Bandar bagi meningkatkan kemahiran keusahawan kumpulan sasar supaya mereka mampu mendapat pekerjaan atau mengusahakan perniagaan yang boleh memberikan pendapatan yang lebih tinggi, seterusnya meningkatkan kualiti hidup dan keluar dari kemiskinan.

Bagi tahun 2023 dan 2024, jumlah peruntukan yang telah disalurkan ke MBPP dan MBSP adalah seperti berikut:

Bil	Tahun	MBPP(RM)	MBSP(RM)
1	2023	7,590,592.87	38,031,302.84
2	2024	8,736,600.00	15,350,000.00
JUMLAH (RM)		16,327,192.87	53,381,302.84

- (a) Projek yang telah diluluskan di kawasan pentadbiran MBPP dan MBSP bagi tahun 2023 sehingga 2024 adalah sebanyak 149 buah projek. Saya mohon Ahli Yang Berhormat untuk merujuk **LAMPIRAN A** yang akan diletakkan di atas meja Yang

Berhormat selepas selesay sesi soalan lisan.

- (b) Setakat ini, bilangan projek yang telah diluluskan di bawah MBSP adalah sebanyak 78 buah projek. Sehingga kini, terdapat sebanyak 40 buah projek telah siap sepenuhnya, 37 buah projek dalam peringkat pelaksanaan yang merangkumi empat (4) buah projek sedang dilaksanakan kerja-kerja di tapak dan 33 buah projek dalam proses perolehan jabatan dan hanya satu (1) buah projek masih belum mula dan berada di peringkat perancangan reka bentuk.

Bagi MBPP pula, bilangan projek yang diluluskan adalah sebanyak 86 buah projek dan sehingga kini terdapat 62 buah projek telah siap sepenuhnya manakala baki sebanyak 24 buah projek adalah dalam peringkat pelaksanaan yang merangkumi dua (2) buah projek sedang dilaksanakan kerja-kerja di tapak dan 22 buah projek dalam proses perolehan jabatan.